

KHAMIS

27

12

2018

BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

27

BERITA

Majlis Apresiasi Barakah
hargai penyumbang PWZ USIM

48

PENDAPAT

Politik di kampus perlu
literasi mahasiswa

50

INOVASI

Ukur tahap bilirubin
tanpa sakitkan bayi



[FOTO HIASAN]

Juadah berbuka puasa percuma pada Ramadan antara hasil sumbangan dana Endowmen MyGift UMP.

JANA PENDAPATAN IPT

➔ Endowmen signifikan untuk pembangunan universiti, bukan hanya biaya yuran pelajar miskin

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Bangi

Kebanyakan universiti terkemuka dunia bergantung pada pembiayaan atau endowmen bagi menyokong keperluan akademik berterusan untuk generasi muda kini.

Memetik kata-kata bekas Dekan Kolej Seni dan Sains, Universiti of Colorado Boulder, Amerika Syarikat (AS), Steven R Leigh, endowmen adalah signifikan kepada

pembangunan sesebuah universiti dan tidak tertakluk kepada pembiayaan yuran pelajar kurang berkemampuan sahaja.

Endowmen turut membantu usaha pengukuhan sesebuah institusi untuk memastikan pengurusan fakulti pada tahap terbaik bagi pelajar, selain penyediaan dana penyelidikan atau program luar.

Satu daripada contoh terbaik dari segi kejayaan dalam endowmen ialah Yale University yang beroperasi dengan bantuan endowmen kira-kira RM83.67 bilion (AS\$20 bilion), yang mungkin pendapatan tahunan berkenaan mencukupi untuk membayar yuran pengajian setiap pelajarinya.

Namun, hasil kajian pada tahun 2013 mendapati hutang pinjaman pendidikan untuk mahasiswa dan graduan di AS mencatatkan sebanyak RM4.52 trilion (AS\$1.08 trilion).

Peningkatan angka berkenaan tidak dapat dielakkan berikutan berkurangnya dana kerajaan untuk universiti, selain peningkatan kadar yuran pengajian di seluruh AS sejak tahun 2002.

Di sinilah, endowmen memperlihatkan kepentingannya untuk masa depan sesebuah universiti terutama dalam mengekalkan kualiti pendidikan, seterusnya melahirkan graduan cemerlang. **V24/25**

redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya

Pengarang Eksekutif Kanan
Integrasi NSTP
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif
Berita Harian (BH)
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
+ Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Penedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Manfaatkan wakaf, endowmen

[FOTO ASYRAF HAMZAH / BH]



Sebahagian peserta Persidangan Pengurusan Dana Endowmen, Zakat dan Wakaf 2018 di Bandar Baru Bangi, baru-baru ini

➔ Tanpa berlandaskan hukum, wakaf tidak berbeza dengan konsep endowmen

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

➔ Bangi

Kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan perlu sebagai saringan untuk memberi kefahaman yang betul mengenai evolusi wakaf di institusi pengajian tinggi (IPT) pada masa ini.

Profesor di Putra Business School (PBS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Noor Inayah Yaakub, berkata transformasi perkembangan pelaksanaan wakaf bukan bermaksud wakaf itu percuma dan tiada unsur penjana keuntungan.

Katanya, sebagai contoh

elemen wakaf dalam ekosistem di IPT ketika ini perlu didukung dua perkara asas walaupun bersifat abstrak, tetapi begitu relevan supaya IPT benar-benar memanfaatkan kelebihan wakaf.

"Pertama, warga kepimpinan IPT perlu memiliki dan menguasai paduan intelektual dan kebijaksanaan dalam menerobos bidang wakaf untuk pendidikan.

"Keduanya, pengemblengan ilmu dan bijak mengupas persoalan salah faham impak sosial mengenai wakaf bagi mengelak kekeliruan akibat penggunaan istilah wakaf yang masih sempit pemahamannya," katanya.

Berlandaskan hukum

Dari segi istilah, wakaf bermaksud apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta berkenaan daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat, di samping mengekalkan sumber fizikalnya untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa wakaf bertujuan untuk memberikan manfaat atau harta yang diwakafkan kepada orang yang berhak dan digunakan sesuai dengan ajaran agama Islam.

Selain itu, Prof Noor Inayah berkata, pelaksanaan wakaf pendidikan akan terbantut, malah boleh tersongsang tanpa ilmu dan kebijaksanaan kepimpinan warga IPT kerana turut membabitkan perubahan cara hidup masyarakat.

"Selain institusi kewangan dan syarikat pelaburan, institusi pendidikan antara yang sedang hangat dikaitkan dengan wakaf.

"Sekiranya penyampaian inti pati maklumat terhadap perkara ini sangat longgar dan tidak praktikal, malah tidak berlandaskan hukum hakam yang betul, wakaf akan tidak berbeza dengan konsep amal atau endowmen di bawah peraturan konvensional," katanya.

Pengurusan dana
Sementara itu, menyentuh mengenai konsep Sadaqa



Prof Noor Inayah



Prof Ab Halim

House yang dijalankan di beberapa IPT, Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri, berkata terdapat beberapa cabaran antaranya memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menguruskan dana infak dengan berkesan.

Beliau berkata, Sadaqa House adalah satu daripada elemen dalam kewangan sosial menggunakan konsep sedekah dalam sektor perbankan dan kewangan Islam.

"Sektor kerajaan dan swasta berperanan mengumpul dana bagi disalurkan kepada golongan miskin atau yang memerlukan, manakala sektor perbankan dan kewangan Islam perlu membangunkan produk atau perkhidmatan yang dapat membantu penyaluran dana berkenaan.

"Pengurusan yang efektif akan memberi keyakinan kepada penyumbang untuk memberikan dana kepada pihak yang memerlukan," katanya.

Tangani masalah isu kemampanan institusi pendidikan

BERITA HARIAN 27/12/2018 p. V25

← Dari V23

Di negara ini, sebuah portal berita berbahasa Inggeris, baru-baru ini, turut menyatakan bahawa universiti swasta di sini turut berdepan dengan masalah kewangan yang memerlukan bantuan segera pelbagai pihak.

Bagaimanapun, laporan itu mendapat maklum balas daripada Pengerusi Seri Harmoni Foundation, Prof Tan Sri Dr Ghauth Jasmon, melalui laman media sosial Facebooknya, dengan menulis: "Saya tidak percaya

semua universiti swasta perlu dibantu.

"Beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan sepatutnya ditutup secepat mungkin bagi mengelakkan mahasiswa terpaksa menanggung hutang yang tinggi tetapi hanya memiliki nilai ijazah yang rendah.

Didik semula

"Kerajaan perlu bertindak segera melindungi pelajar yang tidak bersalah dan IPT yang baik, serta menghapuskan IPT yang berkualiti rendah."

Prof Ghauth ketika di-

temui pada Majlis Persidangan Pengurusan Dana Wakaf, Zakat dan Endowmen 2018 anjuran Yayasan Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), baru-baru ini, menyifatkan masalah yang dihadapi universiti tempatan, terutama swasta boleh diatasi dengan pelbagai inisiatif termasuklah mendidik semula pemilik atau ketua mengenai isu kemampanan institusi pendidikan.

"Kepentingan untuk mengembalikan kemampanan sesebuah institusi pendidikan bukan sahaja



Prof Ghauth

berkaitan mutu akademik, sebaliknya dana melalui endowmen juga dilihat amat diperlukan.

"Di sinilah inisiatif mencari dana melalui endowmen amat penting kerana dapat membantu sesebuah institusi berkembang maju, termasuk kemudahan dan pembiayaan mahasiswa yang tidak berkemampuan," katanya.

Cari jaringan

Melihat kepada situasi kerugian dan tindakan terpaksa menutup institusi pendidikan yang mem-

punyai ribuan pelajar sedang mengikuti pengajian adalah satu perkara yang amat digeruni, Prof Ghauth berkata, sesebuah universiti atau kolej swasta perlu berfikir di luar kotak seperti mencari jaringan antarabangsa.

"Tidak salah jika mencari jaringan daripada pihak luar untuk mendapatkan dana atau endowmen.

"Selain itu, pemilik atau ketua perlu membuat keputusan sama ada kemasukan jaringan tempatan dan antarabangsa menguntungkan atau tidak," katanya.